

# Pinjaman PTPTN skim Islam mulai Mei 2004

UM 13 SEP 2003

**K**UALA LUMPUR 12 Sept. — Kerajaan akan menukarkan kadar faedah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat peratus kepada tiga peratus serta mewujudkan skim secara Islam mulai Mei tahun depan.

Selain itu, pembayaran balik pinjaman akan bermula hanya pada tahun ketiga graduan bekerja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua langkah itu adalah bagi meringankan beban kewangan graduan untuk membayar balik pinjaman mereka kepada PTPTN.

"Kadar bayaran balik bulanan juga akan disusun semula secara berperingkat di mana peminjam dikehendaki membayar balik dengan kadar lima peratus daripada pendapatan bulanan bagi lima tahun pertama dan 10 peratus bagi baki tempoh pembayaran balik," katanya.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Menerusi Bajet 2004, sektor pendidikan memperoleh peruntukan sebanyak RM20.2 bilion iaitu satu perempat daripada peruntukan perbelanjaan mengurus untuk tahun depan.

Pelbagai pihak sebelum ini mempersoalkan kadar faedah pinjaman sebanyak empat peratus itu walaupun dianggap sebagai kos perkhidmatan kerana membebaskan graduan terutama yang masih menganggur.

Menurut Dr. Mahathir, pelajar yang berhasrat melanjutkan pengajian Islam di institusi pendidikan luar negara boleh memohon pinjaman PTPTN.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menetapkan syarat institusi berkenaan perlu mendapat pengiktirafan terlebih dahulu manakala pelajar terbahit diwajibkan mengambil subjek akademik.

"Pembiayaan ini tidak melebihi kos pengajian yang sama di dalam negeri," katanya.

## Dr. Mahathir rangkum harapan dalam sajak pada akhir ucapan

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendoakan kesejahteraan Malaysia dalam sajaknya yang dibacakan pada akhir ucapan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata beliau yakin dengan berkat keredhaan Allah, Malaysia akan terus berkembang maju, rakyat makmur dan sejahtera serta terus dihormati masyarakat dunia.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan, mengambil masa tiga jam untuk menyampaikan ucapan yang bertemakan 'Meraih Kejayaan Membina Masa Depan'.

Ucapannya yang bermula 4.10 petang itu disiarkan secara langsung menerusi radio dan televisyen.

**Keranamu Malaysia,  
Tegakkan nusa gagahkan bangsa**

**Kita susun seribu langkah, menuju ke hadapan  
Bersama mensesah pekat malam, menerjah gelombang  
Berlari menegar cahaya, menepati janji di hujung jalan  
Walau berdepan sejuta rintangan  
Sekalipun jatuh di medan perjuangan  
Namun tetap meredah, mencapai wawasan**

**Alangkah damainya negeriku ini  
Dilimpahi rahmat, kemakmuran dikurniai  
Bangsa bersatu berjiwa waja  
Semangat patriotik kian membara  
Dunia sudah membuka mata  
Penghormatan kini menjadi nyata  
Tiada lagi penindasan  
Tiada lagi penghinaan  
Kemerdekaan terus terpelihara  
Damainya negeriku... Malaysia.**

Beliau menjelaskan bahawa kerajaan akan menimbang untuk memberi pinjaman kepada pelajar yang mengikuti pengajian luar negara menerusi program berkembar bagi tahun terakhir pengajian di institusi pengajian tinggi diiktiraf serta kursus yang digalakkan.

Dalam pada itu, Bajet 2004 juga memperuntukan perbelanjaan untuk 44 sekolah rendah, 43 sekolah menengah, tiga sekolah teknik dan 59 asrama dijangka akan mula beroperasi.

Beliau juga berkata, dalam usaha kerajaan memantapkan kualiti dan standard program

pendidikan francais, Lembaga Akreditasi Negara dari masa ke masa menjemput tenaga pengajar atau pakar dari institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Ini bertujuan membolehkan mereka membantu menjalankan validasi, moderasi atau akreditasi program berkenaan bagi menjamin kursus yang ditawarkan mempunyai kualiti yang sama dengan yang ditawarkan di universiti luar negara.

"Berikutan itu kerajaan mencadangkan agar fi atau honorarium yang diperoleh tenaga

pengajar dalam program berkenaan dikecualikan daripada cukai pendapatan," katanya.

Kerajaan juga akan menimbang memberi pinjaman kepada pelajar yang mengikuti pelajaran luar negara di bawah program berkembar bagi tahun terakhir pengajian di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan serta kursus yang digalakkan, katanya.

Malaysia mengekalkan tradisi memberi pecahan bajet yang besar sekali kepada sektor pendidikan dan kali ini peruntukan sebanyak RM20.2 bilion disediakan, satu perempat daripada peruntukan perbelanjaan mengurus 2004.

Dr. Mahathir berkata di bawah perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM3.7 bilion disediakan termasuk RM1.8 bilion bagi sekolah rendah, menengah, asrama dan rumah guru.

Sebanyak RM637 juta juga disediakan untuk projek pengkomputeran sekolah sementara RM490 juta bagi membiayai keperluan infrastruktur institusi pendidikan tinggi awam, katanya.

Kerajaan juga akan roll-out program *smart school* secara berperingkat-peringkat dan melaksanakan projek Schoolnet bagi membolehkan pelajar mendapat akses Internet.

Ketika ini, program akses internet telah pun dilaksanakan di hampir 200 buah sekolah di kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak.

Dr. Mahathir juga berkata satu Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dengan dana RM200 juta telah dilancarkan Julai lepas bagi membantu pelajar miskin meneruskan pendidikan di sekolah selaras dengan hasrat kerajaan memastikan semua anak mendapat pendidikan wajib sekurang-kurangnya di peringkat asas.

Pejabat Promosi Pendidikan akan beroperasi mulai tahun ini di Dubai, Ho Chih Minh, Beijing dan Jakarta sejajar dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai pusat pendidikan terkemuka di rantau ini.